

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sumbangan yang telah dilakukan oleh institusi zakat dalam menangani COVID-19 dan apakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu perbadanan zakat negara dalam memastikan kutipan dan agihan zakat lebih seragam.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi membantu mereka yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ekoran penularan COVID-19 di Wilayah Persekutuan, MAIWP telah meluluskan keseluruhan sebanyak RM45.254 juta zakat bermula hari pertama PKP berkuatkuasa iaitu pada 18 Mac 2020 sehingga 29 Jun 2020.
2. Bantuan yang diberikan secara umumnya dikategorikan kepada 6 kategori penerima iaitu asnaf, golongan terjejas, barisan petugas hadapan, pelajar, NGO dan gelandangan.

NO. SOALAN : 17

3. Antara bentuk bantuan adalah memberikan Bantuan Zakat Khas tambahan sebanyak RM500 kepada 24,196 asnaf. Selain itu, MAIWP juga telah mempercepatkan penyaluran bantuan kewangan bulanan pada bulan pertama PKP diumumkan.
4. Bagi mereka yang terjejas pendapatan akibat PKP, MAIWP telah menyediakan Bantuan Zakat Kecemasan COVID-19 yang masih berterusan sehingga kini di mana penerimanya adalah seramai 16,776 penerima setakat ini.
5. MAIWP turut mengagihkan bantuan makanan harian kepada barisan petugas hadapan, menyalurkan bantuan kewangan bagi peralatan perubatan kepada 7 buah hospital dan bantuan peralatan PPE kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berkaitan penubuhan satu perbadanan zakat negara, buat ketika ini Kerajaan Persekutuan bertindak sebagai penyelaras di peringkat Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) kerana menurut Butiran 1, Senarai 2 (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal Agama Islam termasuklah urusan berkaitan zakat adalah termasuk di bawah bidangkuasa pihak berkuasa kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja bertindak selaku Ketua Agama Islam Negeri. Manakala bagi Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang maka Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah bertindak selaku Ketua Agama Islam.
7. Oleh yang demikian, pelaksanaan aktiviti kutipan dan agihan zakat adalah berbeza bagi setiap negeri mengikut dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama Islam negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan dalam perkara berkenaan.

Sekian, terima kasih.